



MAJLIS ISLAM SARAWAK

MAJLIS ISLAM SARAWAK

ARAS 16 & 17,
MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH,
JALAN P.RAMLEE,
93400 KUCHING, SARAWAK.

Emel : mis50@sarawak.gov.my
Laman Web : www.mis.sarawak.gov.my

PEJABAT YANG DIPERTUA
TEL :082-507214 FAKS :082-507240

PEJABAT SETIAUSAHA
TEL :082-507215 FAKS :082-507241

TALIAN AM
TEL :082-507251/507250 FAKS:082-507254

*Rujukan Kami: JAIS/KIM/PMS/700-2/1/3 (02)
Tarikh: 12 Ogos 2020*

**SEMUA PENERUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN MASJID
SELURUH NEGERI SARAWAK**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

**PEKELILING HAL EHWAL MASJID BIL 2/2020 : PELAPORAN BERTUGAS PEGAWAI
MASJID**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwat Masjid Dan Tanah Perkuburan - Majlis Islam Sarawak Kali Ke-39 Bil. 4/2020 bertarikh 17 Julai 2020 telah memutuskan supaya semua Jawatankuasa Pengurusan Masjid bagi masjid-masjid Gred I, II, III dan IV (SPPM) seluruh Negeri Sarawak untuk mengemukakan Laporan Bertugas Pegawai Masjid kepada Majlis Islam Sarawak pada setiap 10 hari bulan berikutnya.

3. Sehubungan itu, semua Jawatankuasa Pengurusan Masjid berkenaan adalah diarahkan untuk melaksanakan tindakan-tindakan berikut :-


- a) Mengisi maklumat laporan bertugas pegawai masjid menggunakan **Borang Bertugas Pegawai Masjid (JAIS-PK-BKIM-02/01)**;
- b) Pastikan borang ditandatangani;
- c) Mengimbas (scan) borang dalam format pdf atau imej (jpeg/png); dan
- d) Mengemukakan laporan bertugas pegawai masjid secara dalam talian melalui **kiswa.sarawak.gov.my** di bawah Modul Pelaporan Bertugas Pegawai Masjid.

4. Arahan ini hendaklah **berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2020**.

5. Atas perhatian dan kerjasama pihak Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan dalam hal ini, kami merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Sekian.

**"PEMACU KECEMERLANGAN UMMAH"
"BERSATU BERSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"**


(HAJI KHALID BIN HAJI IBRAHIM)
Setiausaha
Majlis Islam Sarawak